

GST modul percukaian terbaik negara

PULAU PINANG 11 Nov.

- Modul percukaian yang digunakan untuk cukai barang dan perkhidmatan (GST) di Malaysia adalah yang terbaik kerana diolah mengikut acuan sendiri.

Pengarah Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia

(JKDM), Datuk T. Subromaniam berkata, kelebihan itulah yang membuatkan semakin ramai masyarakat memahami mengenai GST dan menyaksikan penurunan aduan yang diterima berbanding pada awal pelaksanaan pada 1 April lalu.

"Selepas tujuh bulan dilaksanakan, kini rakyat semakin boleh



T. SUBROMANIAM

menerima GST kerana kelebihan kita adalah ia dicipta mengikut modul kita sendiri bagi membantu kerajaan serta golongan bawah-han.

"Berbanding 800 aduan sehari pada awal pelaksanaannya, kini kita ke arah sifar aduan dan membolehkan kera-

jaan terus komited melaksanakan GST bagi menyelamatkan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar GST Untuk Sektor Hartanah dan Pembinaan, di sini hari ini.

Jelasnya, kerajaan kini bukan lagi berada pada tahap untuk memberi penerangan berkaitan

pelaksanaan GST tetapi lebih kepada pemantauan dan penguatkuasaan terhadap peniaga.

Menyentuh mengenai kutipan GST, kata Subromaniam, dalam tempoh sembilan bulan, kerajaan dijangka berjaya mengutip sehingga RM27 bilion berbanding RM16 hingga 17 bilion melalui cukai jualan dan perkhidmatan (SST) sebelum ini.

"Untuk tahun hadapan, JKDM dianggarkan mampu mengutip GST berjumlah RM39 bilion hasil pemahaman dalam kalangan peniaga dan pengguna.

"Pada fasa kini, JKDM akan memberi tumpuan kepada penguatkuasaan kerana tindakan akan diambil terhadap peniaga yang tidak mengeluarkan resit bercetak dan tidak memungut GST," ujarinya.